

Anwar perkukuh hubungan diplomatik KL-Beijing

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim memulakan lawatan rasmi ke China semalam dengan mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Xi Jinping serta mesyuarat dua hala bersama Perdana Menteri Li Qiang bagi memperkukuh kerjasama strategik Malaysia-China.

Perdana Menteri yang berlepas ke Beijing semalam akan membincangkan kerjasama dua hala serta bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Beliau dijadual menghadiri beberapa acara rasmi di Beijing dengan kemuncak acara dijadualkan pada Rabu ini.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, Perdana Menteri telah melawat China berkali-kali tetapi ini akan menjadi saat yang sangat penting kerana ingin memperkukuh hubungan bilateral terutamanya sempena sambutan Merdeka dan sambutan Hari Nasional.

“Jadi, saya rasa ini adalah masa yang sangat menyenangkan bagi kedua-dua negara,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Hari Kebangsaan 2025 semalam.

Terdahulu, Kementerian Luar memaklumkan, Perdana Menteri akan mengadakan lawatan kerja China bermula semalam



FAHMI Fadzil bersama jawatankuasa penganjuran Hari Kebangsaan 2025 dan kumpulan media selepas selesai acara sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya, semalam.

hingga Rabu ini atas jemputan Presiden Xi Jinping bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (Shanghai Cooperation Organization-SCO).

Lawatan itu juga bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-80 Kejayaan Rakyat China dalam Peperangan Menentang Pencerobohan Jepun dan Peperangan Anti-Fasis Sedunia.

Penyertaan Malaysia dalam acara ini dilihat mencerminkan komitmen negara untuk terus

memperkukuh hubungan dengan China, di samping menzahirkan solidariti dan penghormatan Malaysia terhadap perjuangan serta pengorbanan rakyat China semasa Perang Dunia Kedua.

Sebagai Pengerusi ASEAN, penyertaan Malaysia di Sidang Kemuncak SCO mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh hubungan ASEAN-SCO serta mengangkat peranan Malaysia sebagai pengantara antara ASEAN dan negara anggota SCO bagi meneroka po-

tensi kerjasama dalam pelbagai bidang.

Malaysia dan China telah menjalinkan hubungan diplomatik sejak 31 Mei 1974 yang mana republik itu merupakan rakan dagang Malaysia yang terbesar untuk 16 tahun berturut-turut sejak dari 2009.

Nilai dagangan antara Malaysia dan China adalah RM484.12 bilion pada tahun 2024, yang menyumbang kepada 16.8 peratus nilai perdagangan global Malaysia (RM2.879 trilion).